



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 48

28hb November 2024

*TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN*

Ps. P.U. 16.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[*Enakmen 4*]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keahlian Jawatankuasa

Peraturan

5. Setiausaha
6. Penamatan pelantikan
7. Pembatalan pelantikan
8. Pelantikan ahli baharu
9. Fungsi Jawatankuasa
10. Mesyuarat Jawatankuasa
11. Notis
12. Kehadiran bukan ahli
13. Minit mesyuarat Jawatankuasa
14. Penzahiran kepentingan
15. Kesahan perbuatan dan prosiding
16. Elaun ahli Jawatankuasa, setiausaha Jawatankuasa dan urus setia

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

17. Kelayakan Peguam Syarie
18. Permohonan
19. Bantahan
20. Perakuan
21. Keputusan Permohonan
22. Pengisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah
23. Tauliah Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie
24. Membaharui Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie
25. Daftar Peguam Syarie
26. Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam Syarie

Peraturan

- 27. Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie
- 28. Pengecualian

BAHAGIAN IV

PROSEDUR TATATERTIB

- 29. Jawatankuasa Tatatertib
- 30. Kesalahan Tatatertib
- 31. Prosedur tatatertib
- 32. Pertimbangan oleh Jawatankuasa tentang Laporan Jawatankuasa Tatatertib
- 33. Kuasa Majlis membuat perintah

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

- 34. Mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie
- 35. Kesalahan
- 36. Pendakwaan
- 37. Tatacara
- 38. Pembatalan dan kecualian

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

JADUAL 5

JADUAL 6

JADUAL 7

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
(*Enakmen 4*)

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*], Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Peguam Syarie Negeri Perlis 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebut dalam peraturan 25;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Perlis yang ditubuhkan di bawah peraturan 3;

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya Jawatankuasa Tatatertib Peguam Syarie Negeri Perlis yang ditubuhkan di bawah peraturan 29;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 55 Enakmen;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“Pegawai Syariah” ertinya seseorang Pegawai Syariah yang dilantik di bawah skim perkhidmatan awam am persekutuan;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 80 Enakmen dan didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa;

“Pelatih Dalam Kamar” ertinya seseorang yang menjalani latihan di sebuah firma guaman syarie dalam tempoh dan syarat yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(a);

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Jawatankuasa Peguam Syarie yang dilantik di bawah subperaturan 4(2).

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS

Penubuhan Jawatankuasa

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamakan “Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Perlis”.

Keahlian Jawatankuasa

4. (1) Majlis hendaklah melantik ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (c) Setiausaha Majlis atau wakilnya;
- (d) Ketua Pendakwa Syarie;
- (e) seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-Peguam Syarie; dan
- (f) dua orang Ahli Majlis yang berkemahiran dalam Hukum Syarak.

(2) Semua ahli Jawatankuasa yang disebut di dalam subperaturan (1) ini hendaklah beragama Islam.

(3) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (1)(b) bukan orang Islam, Majlis hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam yang paling kanan selepasnya dari Jabatan atau Bahagian yang sama dengan orang itu untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang itu.

(4) Ahli Jawatankuasa yang disebutkan di dalam perenggan (1)(e) hendaklah seorang Peguam Syarie yang memiliki Tauliah Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie di Negeri Perlis.

(5) Seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1)(e) dan (f) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak dilantik semula.

Setiausaha

5. (1) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Pengerusi boleh melantik mana-mana orang sebagai urus setia untuk membantu Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan dasar-dasar, arahan-arahan dan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa.

(4) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat tetapi tidak berhak mengundi.

Penamatan pelantikan

6. Pelantikan mana-mana ahli Jawatankuasa hendaklah tamat jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) dia meletakkan jawatannya dengan suatu notis bertulis kepada Majlis;
- (c) luput tempoh pelantikannya; atau
- (d) dia tidak berada di Malaysia, tanpa pemakluman bertulis kepada Majlis, selama tempoh melebihi empat bulan.

Pembatalan pelantikan

7. Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah subperaturan 4(1) jika—

- (a) dia disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil atau, apa-apa kesalahan lain yang pada pendapat Majlis menyebabkan dia tidak layak untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli Jawatankuasa;
- (b) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai ahli Jawatankuasa atau selainnya, yang boleh memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
- (c) dia diisytiharkan bankrap;
- (d) dia menjadi tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai ahli Jawatankuasa;

- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau
- (f) atas apa-apa alasan yang pada pertimbangan Majlis menyebabkan dia tidak sesuai atau layak lagi menjadi ahli Jawatankuasa.

Pelantikan ahli baharu

8. Majlis boleh melantik ahli Jawatankuasa baharu untuk mengisi kekosongan mana-mana ahli Jawatankuasa yang terhenti pelantikannya di bawah peraturan 6 atau 7.

Fungsi Jawatankuasa

9. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi berikut—

- (a) menjalankan apa-apa peperiksaan bertulis atau temu duga bagi mana-mana pemohon yang memohon untuk diterima sebagai Peguam Syarie sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa dan untuk mengadakan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan temu duga atau peperiksaan bertulis itu, termasuklah—
 - (i) menetapkan tarikh dan tempat peperiksaan bertulis atau temu duga;
 - (ii) menyediakan soalan-soalan untuk peperiksaan bertulis atau temu duga; dan
 - (iii) menimbang dan menilai jawapan dalam temu duga dan memeriksa jawapan peperiksaan bertulis.
- (b) memperakukan kepada Majlis dan Mahkamah mengenai kelayakan mana-mana orang yang memohon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie;
- (c) memperakukan kepada Majlis mengenai perintah di bawah subperaturan 32(1) bagi sesuatu kes tatatertib; dan
- (d) menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

Mesyuarat Jawatankuasa

10. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, ahli yang hadir boleh melantik salah seorang dari mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Pengerusi dan tiga ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti ahli yang hadir dan berhak mengundi. Sekiranya berlaku persamaan undi, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

Notis

11. Sekurang-kurangnya tujuh hari notis bertulis hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan yang mendesak, mengarahkan supaya notis bertulis tidak kurang dari dua puluh empat jam diberikan.

Kehadiran bukan ahli

12. (1) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang yang bukan ahli Jawatankuasa untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki.

(2) Seseorang yang dijemput di bawah subperaturan (1) adalah berhak mengambil bahagian dalam perbincangan atas perkara-perkara yang dia diperlukan hadir sahaja tetapi tidak berhak mengundi.

Minit mesyuarat Jawatankuasa

13. (1) Setiausaha hendaklah menyediakan dan menyimpan segala minit mesyuarat Jawatankuasa, dan pada tiap-tiap kali mesyuarat diadakan, minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada pindaan jika ada.

(2) Semua minit hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat.

(3) Minit mesyuarat Jawatankuasa yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pengerusi mesyuarat hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti selanjutnya dan, tertakluk kepada semua pengecualian yang patut, hendaklah menjadi keterangan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Penzahiran kepentingan

14. (1) Seseorang ahli Jawatankuasa yang secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan dalam sesuatu perkara yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa hendaklah, seberapa segera selepas fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya, menzahirkan dalam mesyuarat jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan dalam minit, dan selepas penzahiran itu, ahli itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Jawatankuasa mengenai perkara itu.

Kesahan perbuatan dan prosiding

15. Tiada apa-apa juga perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang diambil di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dipersoal atas alasan—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keahlian atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa; atau
- (b) apa-apa ketinggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Elaun ahli Jawatankuasa, setiausaha Jawatankuasa dan urus setia

16. Ahli-ahli Jawatankuasa, setiausaha Jawatankuasa dan urus setia bolehlah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

BAHAGIAN III**PEGUAM SYARIE****Kelayakan Peguam Syarie**

17. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak diterima masuk sebagai Peguam Syarie—

- (a) seorang yang beragama Islam dan berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) berkelakuan baik; dan—
 - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil kecuali dibenarkan oleh Jawatankuasa; dan
 - (ii) bukan seorang yang bankrap di Malaysia; dan
- (d) sama ada;
 - (i) seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah subperaturan (2); atau
 - (ii) seorang peguambela atau peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] dengan syarat ia tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara dan mempunyai diploma lanjutan guaman syarie mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

(2) Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah perenggan(1)(d) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—

- (a) jika seseorang itu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Sarjana Muda Undang-Undang dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dia hendaklah juga mempunyai—
 - (i) mana-mana diploma lanjutan dalam bidang pentadbiran kehakiman Islam dan guaman syarie yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
 - (ii) telah tamat latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar selama tempoh enam bulan dengan mana-mana firma guaman syarie; atau
- (b) jika seseorang itu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, dia telah tamat latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar selama tempoh enam bulan dengan mana-mana firma guaman syarie; dan
- (c) telah lulus peperiksaan bertulis dan/atau lulus temu duga peguam syarie.

(3) Jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya dengan permohonan, mengecualikan seseorang yang berkelayakan daripada menjalani latihan sebagai Pelatih Dalam Kamar.

Permohonan

18. (1) Permohonan untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie hendaklah dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 1.

(2) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan—

- (a) akuan berhubung kelakuan baik yang disokong oleh dua orang penyokong yang beragama Islam berumur 21 tahun ke atas dengan menggunakan borang dalam Jadual 2 yang mana hendaklah terdiri dari mereka yang berikut—
 - (i) Peguam Syarie yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
 - (ii) Peguam bela atau peguam cara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*]; atau
 - (iii) Pegawai Kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.

- (b) akuan bersumpah tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia dan tidak pernah diisytiharkan bankrap atau telah dilepaskan sebagaimana dalam Jadual 3;
- (c) salinan Sijil Amalan Guaman di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [*Akta 166*] jika ada;
- (d) salinan ijazah dan diploma lanjutan; dan
- (e) jika seorang peguam bela atau peguam cara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], akuan bersumpah tidak pernah dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara.

(3) Tiap-tiap permohonan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie dengan melampirkan salinan dokumen-dokumen yang perlu dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual 7.

(4) Selepas permohonannya diterima, urus setia hendaklah menampalkan satu salinan permohonannya di papan notis Mahkamah selama tiga puluh hari.

(5) Selepas tampalan disempurnakan dan tiada bantahan dibuat, pemohon hendaklah mengikuti peperiksaan bertulis dan/atau temu duga.

Bantahan

19. (1) Sesuatu permohonan untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie boleh dibantah oleh mana-mana orang melalui Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Sesuatu bantahan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa berserta alasan-alasan bantahan itu dan Setiausaha Jawatankuasa hendaklah mengemukakan bantahan tersebut kepada Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa boleh, jika didapati bantahan tersebut munasabah, meminta melalui surat berdaftar suatu penjelasan atau jawapan bertulis daripada pemohon.

(4) Pemohon hendaklah memberikan penjelasan atau jawapan bertulis kepada Jawatankuasa dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan surat tersebut.

(5) Jawatankuasa boleh menolak permohonan oleh pemohon jika tiada penjelasan bertulis diterima daripadanya atau jika penjelasan bertulis diterima, Jawatankuasa tidak berpuas hati dengan penjelasan bertulis itu, dan pemohon hendaklah dimaklumkan tentang keputusan Jawatankuasa tersebut.

Perakuan

20. (1) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan senarai nama pemohon yang telah lulus peperiksaan bertulis dan/atau temu duga kepada Majlis.

(2) Majlis boleh setelah berpuas hati, memperakukan nama-nama pemohon tersebut untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie dan perakuan Majlis ini adalah muktamad.

Keputusan Permohonan

21. Jawatankuasa hendaklah memberitahu keputusannya kepada pemohon dalam masa tujuh hari selepas perakuan dibuat.

Pengisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah

22. (1) Tiap-tiap orang yang telah diperakukan oleh Majlis hendaklah memohon suatu perisytiharan pelantikannya sebagai seorang Peguam Syarie di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Perisytiharan itu hendaklah dilakukan di Mahkamah terbuka.

(3) Permohonan bagi suatu pengisytiharan hendaklah tidak lebih dari tiga bulan dari tarikh diperakukan oleh Majlis.

(4) Permohonan yang melebihi tempoh di subperaturan (3) hendaklah mendapatkan kebenaran khas daripada Jawatankuasa.

Tauliah Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie

23. (1) Tiap-tiap orang yang diterima masuk menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki Tauliah Peguam Syarie seperti di Jadual 4 dan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie seperti di Jadual 5 setelah dia menjelaskan fi yang ditetapkan dalam Jadual 7.

(2) Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) adalah sah sehingga 31 Disember tahun semasa dan hendaklah diperbaharui tertakluk kepada peraturan 24.

Membaharui Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie

24. (1) Permohonan untuk membaharui Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie hendaklah dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa selewat-lewatnya pada 31 Disember pada setiap tahun.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dalam Jadual 6 dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual 7.

(3) Seseorang Peguam Syarie yang gagal membaharui Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie sehinggalah tamat tempoh tiga bulan untuk membaharui sijilnya dan namanya hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh Majlis dari Daftar Peguam Syarie.

Daftar Peguam Syarie

25. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyelenggarakan suatu rekod mengenai pendaftaran semua Peguam Syarie dan rekod itu hendaklah dipanggil “Daftar Peguam Syarie”.

(2) Daftar Peguam Syarie hendaklah mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) nama;
- (b) nombor kad pengenalan;
- (c) kelulusan akademik;
- (d) nama dan alamat firma;
- (e) alamat surat menyurat;
- (f) nombor telefon;
- (g) emel;
- (h) tarikh diterima masuk sebagai Peguam Syarie;
- (i) tempoh sah Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie;
- (j) tarikh pembatalan pendaftaran, jika ada;
- (k) maklumat mengenai apa-apa tindakan tatatertib ke atas Peguam Syarie, jika ada; dan
- (l) butir-butir lain sebagaimana diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam Syarie

26. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, memohon kepada Majlis supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar Peguam Syarie.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa.

(3) Setelah menerima permohonan itu, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan perakuannya kepada Majlis.

(4) Majlis boleh selepas menerima perakuan Jawatankuasa mengarahkan agar Setiausaha mengeluarkan nama Peguam Syarie tersebut daripada Daftar Peguam Syarie.

Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie

27. (1) Majlis boleh, berdasarkan syor Jawatankuasa jika difikirkan adil dan munasabah melantik semula seseorang itu, yang namanya telah dikeluarkan atau dibatalkan daripada Daftar Peguam Syarie sebagai Peguam Syarie.

(2) Sesuatu permohonan supaya dilantik semula sebagai Peguam Syarie hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini bagi seseorang yang berhasrat untuk dilantik menjadi Peguam Syarie bagi kali pertamanya; dan hendaklah disokong dengan afidavit yang menerangkan mengapa pemohon ingin dilantik semula sebagai Peguam Syarie.

(3) Majlis hendaklah mengeluarkan Tauliah Peguam Syarie setelah dia menjelaskan fi yang ditetapkan dalam Jadual 7.

Pengecualian

28. Penasihat Undang-Undang Negeri, mana-mana Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis atau mana-mana Pegawai Undang-Undang, Pegawai Syariah, Penolong Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Syariah di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] atau mana-mana Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Perlis hendaklah disifatkan telah dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini dan peruntukan peraturan 18, 19, 20, 21 dan 22 tidak terpakai bagi Pegawai-Pegawai itu dan Pegawai-Pegawai itu boleh, jika tugas rasmi memerlukan, mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah.

BAHAGIAN IV

PROSEDUR TATATERTIB

Jawatankuasa tatatertib

29. (1) Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan “Jawatankuasa Tatatertib Peguam Syarie Negeri Perlis” dan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa yang terdiri daripada—

(a) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Pengerusi;

(b) Seorang wakil Majlis;

- (c) Seorang wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis;
- (d) Seorang Pegawai Syariah yang bertugas di Mahkamah; dan
- (e) Seorang Peguam Syarie yang telah beramal di Negeri Perlis melebihi tempoh lima tahun.

(2) Jawatankuasa Tatatertib ini hendaklah membuat siasatan terhadap aduan yang dirujuk oleh Pengerusi Jawatankuasa dan menyediakan laporan kepada Jawatankuasa.

Kesalahan tatatertib

30. (1) Mana-mana Peguam Syarie boleh diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib apabila melakukan perkara-perkara berikut—

- (a) telah berkelakuan bertentangan dengan Hukum Syarak;
- (b) telah membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai menghina Agama Islam atau Raja Pemerintah atau Majlis;
- (c) telah disabitkan oleh mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) telah dengan sengaja atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah enggan menjalankan kewajipannya terhadap kliennya;
- (e) telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya kepada Mahkamah termasuklah kegagalan untuk mematuhi apa-apa janji yang telah diberikan kepada Mahkamah;
- (f) telah menghina Mahkamah;
- (g) tidak jujur atau melakukan penipuan dalam melaksanakan tugasnya;
- (h) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seorang penarik langganan;
- (i) membenarkan mana-mana orang yang bukan seorang Peguam Syarie mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya atau firmannya;
- (j) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain yang diguna khidmat olehnya apa-apa perdagangan, perniagaan atau kerjaya yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;

(k) telah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin yang ditubuhkan di bawah subseksyen 93(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

(l) telah diisytiharkan sebagai bankrap dan belum dilepaskan;

(m) telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kegagalan itu memerlukan tindakan tatatertib; atau

(n) apa-apa alasan yang pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib berlaku pelanggaran atau kegagalan yang memerlukan tindakan tatatertib.

(2) Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa.

(3) Mahkamah atau Pendakwa Syarie boleh, pada bila-bila masa, merujuk kepada Jawatankuasa apa-apa maklumat yang menyentuh kelakuan Peguam Syarie atas sifat profesionalnya.

Prosedur Tatatertib

31. (1) Setelah menerima sesuatu aduan, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah merujuk aduan tersebut kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi tujuan siasatan.

(2) Tiap-tiap siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dijalankan secara dan setakat difikirkan adil dan munasabah menurut budi bicara mutlaknyanya dengan syarat bahawa sebelum ia menentukan bahawa siasatan diputuskan, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah—

(a) membuat penyampaian notis berkenaan aduan yang telah dikemukakan kepada Peguam Syarie yang berkenaan dengan cara yang difikirkan patut dan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib; dan

(b) meminta Peguam Syarie yang berkenaan, dalam tempoh empat belas hari selepas penyampaian notis memberi kepada Jawatankuasa Tatatertib apa-apa jua penjelasan bertulis yang berhubung dengan aduan itu.

(3) Selepas menerima penjelasan di bawah perenggan 31(2)(b) dan siasatan wajar telah dilakukan, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempertimbangkan penjelasan tersebut dan merekodkan dapatannya berhubung dengan aduan itu, dan menyediakan laporan kepada Jawatankuasa.

(4) Sekiranya Peguam Syarie berkenaan gagal memberikan apa-apa penjelasan bertulis setelah tamat tempoh masa empat belas hari, maka Jawatankuasa Tatatertib bolehlah membuat dapatan terhadap aduan itu dan menyediakan laporan kepada Jawatankuasa.

(5) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, Jawatankuasa Tatatertib adalah berkuasa untuk menetapkan dan mengawal selia prosedurnya sendiri berhubungan dengan perjalanan siasatannya ke atas apa-apa aduan.

Pertimbangan oleh Jawatankuasa tentang Laporan Jawatankuasa Tatatertib

32. (1) Selepas menerima laporan daripada Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa hendaklah menyediakan suatu laporan kepada Majlis dan membuat perakuannya sama ada Peguam Syarie berkenaan adalah bersalah atau tidak atas kesalahan yang diadakan itu.

(2) Jika Jawatankuasa membuat perakuan bahawa Peguam Syarie berkenaan didapati bersalah, Jawatankuasa hendaklah juga membuat perakuan mengenai tindakan tatatertib yang patut dikenakan ke atas Peguam Syarie tersebut.

(3) Walau apapun subperaturan (1), Jawatankuasa boleh mengembalikan semula laporan dan mengarahkan Jawatankuasa Tatatertib menjalankan siasatan lanjut sekiranya perlu.

Kuasa Majlis membuat perintah

33. (1) Majlis, apabila menerima laporan dan perakuan Jawatankuasa mengikut subperaturan 32(1), hendaklah membuat mana-mana daripada perintah yang berikut sebagaimana difikirkan adil dan munasabah—

- (a) membuat perintah supaya nama Peguam Syarie berkenaan dikeluarkan daripada Daftar Peguam Syarie; dan Tauliah Peguam Syarie dan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie Peguam Syarie itu dibatalkan;
- (b) membuat perintah menggantung Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh;
- (c) mengenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit;
- (d) memberi amaran kepada Peguam Syarie itu; atau
- (e) membuat apa-apa perintah lain.

(2) Dalam membuat apa-apa perintah di bawah peraturan ini, Majlis boleh, selain dari fakta kes itu, mengambil kira kelakuan dan watak orang yang berkenaan itu pada masa yang lalu untuk menentukan perintah yang patut dibuat.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

Mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie

34. Setiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

Kesalahan

35. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan dia telah diterima masuk menjadi Peguam Syarie di bawah Peraturan-Peraturan ini dan memiliki Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie yang masih sah.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika perintah penggantungan ke atasnya di bawah perenggan 33(1)(b) masih berkuat kuasa.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen.

Pendakwaan

36. Mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah subperaturan 35(1) atau (2) hanya boleh didakwa setelah mendapat kebenaran bertulis Ketua Pendakwa Syarie.

Tatacara

37. Tertakluk kepada arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

Pembatalan dan kecualian

38. (1) Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1995 [*Ps. P.U. 4/96*] adalah dibatalkan.

(2) Seseorang yang kepadanya telah dikeluarkan Sijil Peguam Syarie sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL 1

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024
[subperaturan 18(1)]

BORANG PERMOHONAN UNTUK DITERIMA MASUK SEBAGAI
SEORANG PEGUAM SYARIE

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam huruf besar)

1. Nama :
2. Lain-lain nama (jika ada) :
3. No. Kad Pengenalan :
4. Jantina :
5. Tarikh Lahir :
6. Tempat Lahir :
7. Taraf Perkahwinan :
8. Kewarganegaraan :
9. Bangsa :
10. Nama dan alamat firma :
12. Alamat Surat Menyurat :
13. No. Telefon : (a) (Pejabat)
(b) (Bimbit)
14. Emel :
15. Alamat Kediaman :
16. Kelayakan dan kelulusan :
17. Pengalaman :

Gambar
(saiz passport)

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

PERINGATAN:

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan sijil-sijil yang diperakui sah, surat akuan, perakuan-perakuan, dokumen-dokumen lain yang relevan untuk menyokong permohonannya dan tiga (3) keping gambar berukuran passport.

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA SAHAJA

Tarikh Terima Borang :

Tarikh Mula dan Akhir Tampalan :

Tarikh Penerimaan Fi Pendaftaran :

Nombor Resit Fi Pendaftaran :

Apa-apa bantahan terhadap permohonan ini boleh dikemukakan melalui Setiausaha Jawatankuasa Peguam Syarie dalam tempoh 30 hari dari tarikh bermula tampalan.

JADUAL 2

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024
[subperaturan 18(2)(a)]

BORANG PERAKUAN BERKELAKUAN BAIK PEGUAM SYARIE

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa

No. Kad Pengenalan: adalah seorang yang berkelakuan baik serta tidak pernah disabitkan di Malaysia atau mana-mana tempat yang lain atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang menjadikannya tidak layak menjadi Peguam Syarie.

Dibuat pada haribulan tahun

.....
Nama Penyokong 1 :
No. K/P :
Tarikh :
Jawatan :
Cop Rasmi :

.....
Nama Penyokong 2 :
No. K/P :
Tarikh :
Jawatan :
Cop Rasmi :

JADUAL 3

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024
[subperaturan 18(2)(b)]

BORANG AKUAN BERSUMPAH

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa saya
..... No. Kad Pengenalan:
yang beralamat
..... dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya—

- (i) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
- (ii) tidak pernah diisytiharkan bankrap / telah dilepaskan;*
- (iii) tidak pernah dipecat/hilang kelayakan/digantung sebagai peguam cara/ peguam bela di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166].**

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783].

Diperbuat dan dengan sesungguhnya
diakui oleh yang tersebut namanya di
atas iaitu
.....
di.....
di Negeri.....
pada.....

}

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Pesuruhjaya Sumpah)

*Dilampirkan perintah pelepasan
** Potong sekiranya tidak berkenaan

No. Siri:

JADUAL 4

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006

[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024

[subperaturan 23(1)]

TAULIAH PEGUAM SYARIE

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa
 No. Kad Pengenalan:
 No Siri Daftar telah diterima sebagai Peguam Syarie
 di bahawa Peraturan-Peraturan Peguam Syarie Negeri Perlis 2024 pada hari
 bulan tahun dan sah sehingga dibatalkan oleh Majlis
 Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.

METERAI

Tarikh dikeluarkan H

M.....

.....
 YANG DIPERTUA
 MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT
 ISTIADAT MELAYU PERLIS

SIJIL AMALAN TAHUNAN GUAMAN SYARIE

M.....

PENGERUSI
JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
NEGERI PERLIS

JADUAL 6

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024
[subperaturan 24(2)]

PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL AMALAN TAHUNAN
GUAMAN SYARIE

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam huruf besar)

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat :
4. Nombor Siri Daftar :
5. No. Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie :
6. Tarikh Tamat Sijil :
7. Nama dan alamat firma :
8. Emel :
9. No. Telefon : (a)..... (Pejabat)
(b)..... (Bimbit)

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA SAHAJA

Tarikh diterima :

Amaun Fi :

No. Resit :

Dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie :

.....
PENGERUSI
JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
NEGERI PERLIS

JADUAL 7

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
[Enakmen 4]

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERLIS 2024

FI

Bil.	Perkara	Peruntukan	Kadar Fi (RM)
1.	Permohonan Peguam Syarie	subperaturan 18(3)	50.00
2.	Tauliah Peguam Syarie	peraturan 23	500.00
3.	Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie	peraturan 23	250.00
4.	Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan Guaman Syarie	subperaturan 24(3)	
	(a) Permohonan sijil dibuat dalam tempoh		250.00
	(b) Permohonan sijil itu dibuat selepas tamat tempoh		500.00
5.	Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie	subperaturan 27(3)	1,000.00

Bertarikh 19 November 2024
[JKSNPs. 100-1/1/1(S)]

Dengan Titah Perintah

HAJI MOHD NAZIM BIN MOHD NOOR
Setiausaha
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
Perlis

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
ENACTMENT 2006
[*Enactment 4*]

PEGUAM SYARIE OF THE STATE OF PERLIS REGULATIONS 2004

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Name and commencement
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT OF *PEGUAM SYARIE* COMMITTEE

3. Establishment of the Committee
4. Members of the Committee
5. Secretary
6. Termination of Appointment
7. Revocation of Appointment
8. Appointment of new member
9. Functions of the Committee
10. Meeting of the Committee
11. Notices
12. Attendance of non-members
13. Minutes of the Committee meetings
14. Disclosure of interest

Regulation

15. Validity of acts and proceedings
16. Allowances of the Committee members

PART III

PEGUAM SYARIE

17. Qualifications of *Pegum Syarie*
18. Application
19. Objection
20. Certification
21. Application Result
22. Declaration of Syariah High Court
23. *Tauliah Pegum Syarie* and *Amalan Guaman Syarie* Annual Certificate
24. Renewal of *Amalan Guaman Syarie* Annual Certificate
25. Registration of *Pegum Syarie*
26. Application to remove name from Register
27. Application to be reappointed as *Pegum Syarie*
28. Exemptions

PART IV

DISCIPLINARY PROCEDURES

29. Disciplinary Committee
30. Disciplinary Actions
31. Enquiry
32. Consideration by Committee on the Disciplinary Committee's Report
33. Power of the Majlis to issue order

PART V

GENERAL PROVISION

Regulation

- 34. Production of *Amalan Guaman Syarie* Annual Certificate
- 35. Offences
- 36. Prosecution
- 37. Procedure
- 38. Revocation and saving

SCHEDULE 1

SCHEDULE 2

SCHEDULE 3

SCHEDULE 4

SCHEDULE 5

SCHEDULE 6

SCHEDULE 7

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM ENACTMENT 2006
[*Enactment 4*]

PEGUAM SYARIE OF THE STATE OF PERLIS REGULATIONS 2004

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Administration of the Religion of Islam Enactment 2004 [*Enactment 4*], the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis with the approval of the Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Name and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the ***Pegum Syarie of the State of Perlis Regulations 2024***.

(2) These Regulations shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Regulations, unless the context otherwise requires–

“Register” means the Register of *Pegum Syarie* referred to in regulation 25;

“Enactment” means the Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*];

“Committee” means the *Pegum Syarie* Committee of the State of Perlis established under regulation 3;

“Disciplinary Committee” means the *Pegum Syarie* Disciplinary Committee of the State of Perlis established under regulation 29;

“Syariah Court” or “Court” means any court established under section 55 of the Enactment;

“Majlis” means Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis established under subsection 4(1) of the Enactment;

“Syariah Officer” means a person who is appointed under the Federal Public Service Scheme;

“*Pegum Syarie*” means a person who is admitted as a *Pegum Syarie* under section 80 of the Enactment and registered under this Regulation or under any written law enforced prior to the commencement of this Regulation;

“Pupil In Chamber” means a person who serves a period of pupillage at a *Syarie* firm for a term and conditions prescribed under this Regulation;

“Chairman” means the Chairman of the *Pegum Syarie* Committee of the State of Perlis appointed under subregulation 4(1)(a);

“Secretary” means Secretary of the *Pegum Syarie* Committee of the State of Perlis appointed under subregulation 4(2).

PART II

ESTABLISHMENT OF *PEGUM SYARIE* COMMITTEE

Establishment of the Committee

3. The Majlis shall establish a Committee to be called the “*Pegum Syarie* Committee of the State of Perlis”.

Members of the Committee

4. (1) The Majlis shall appoint the Members of the Committee which consists of—

- (a) the Chief *Syarie* Judge, as Chairman;
- (b) State Legal Advisor or his representative;
- (c) the Secretary of the Majlis or his representative;
- (d) the Chief *Syarie* Prosecutor or his representative;
- (e) a *Pegum Syarie* as a representative of *Pegum-Pegum Syarie*; and
- (f) two Majlis members with expertise in *Hukum Syarak*.

(2) All Committee members mentioned in subregulation (1) shall be a Muslim.

(3) If at any time the person holding the appointment mentioned in subregulation (1)(b) is not a Muslim, the Majlis shall appoint another officer who is a Muslim and next in seniority from the same Department or Division to be a member in replacement of that person.

(4) The Committee Member mentioned in subregulation (1)(e) shall be a person who possesses a valid *Tauliah Pegum Syarie* and *Amalan Guaman Syarie* Annual Certificate in the state of Perlis.

(5) Subject to subregulation (4), a member of the Committee appointed under subregulation (1)(e) and (f) shall hold office for a period of three years and is eligible to be reappointed.

Secretary

5. (1) The Chief Registrar of the *Syariah* Appeal Court shall be the Secretary of the Committee.

(2) The Chairman may appoint any person as the secretariat to assist the Secretary.

(3) The Secretary shall carry out the policies, directives, and decisions of the Committee.

(4) The Secretary shall attend all meetings of the Committee and participate in its deliberations, but shall not be entitled to vote.

Termination of Appointment

6. The appointment of a member of the Committee shall terminate—

- (a) on his death;
- (b) he resigns from his position by giving written notice to the Majlis;
- (c) his term of appointment has expired; or
- (d) if he has been absent from Malaysia, without the written permission of the Majlis, for a period exceeding four months.

Revocation of Appointment

7. The Majlis may revoke the appointment of any members of the Committee appointed under subregulation 4(1) if—

- (a) he has been convicted of any criminal offences under the syariah or civil law or any other offences which in the opinion of Majlis would render him unfit to perform the duties as a member of the Committee;
- (b) his conduct whether in connection with his duties as a member of the Committee or otherwise that may bring discredit to the Majlis or the Committee;
- (c) he is declared bankrupt;
- (d) he is unable to perform his duties as a member of the Committee;
- (e) he did not attend the meeting for three (3) consecutive times without reasonable explanation; or
- (f) for any reason which in the opinion of the Majlis caused him to become unsuitable or unfit to be a member of the Committee.

Appointment of new member

8. The Majlis may appoint new member to fill the vacancy of any member of the Committee who had ceased his appointment under regulation 6 or 7.

Functions of the Committee

9. The Committee shall have the following functions—

- (a) to conduct any written examination or interview for any applicant applying to be admitted as a *Peguam Syarie* as deemed appropriate by the Committee, and to undertake all necessary or incidental matters related to such interview or written examination, including—
 - (i) fixing the date and place of the written examination or interview;
 - (ii) preparing the questions for the written examination or interview; and
 - (iii) evaluating and assessing answer in such interview and marking answers in the written examination.
- (b) to recommend to the Majlis and Court regarding the qualification of any person applying to be admitted as a *Peguam Syarie*;
- (c) to recommend to the Majlis regarding any order under subregulation 32(1) for any disciplinary action; and
- (d) to carry out other functions as directed by the Majlis.

Meeting of the Committee

